

Oleh Nurul Hidayah
 Bahaudin
 nurul.hidayah@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tindakan dua syarikat pengedar dan pemborong gula menyimpan bekalan itu melebihi jumlah ditetapkan terbongkar selepas premis mereka di Shah Alam dan Kajang, Selangor diserbu dalam Operasi Manis (Op Manis), semalam.

Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Iskandar Halim Sulaiman berkata, operasi diiktuai Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Selangor Aminuddin Muhammad jam 10 pagi itu membabitkan 12 anggota penguat kuasa KPDNHEP Selangor selain pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan pegawai Cawangan Khas Polis Diraja Malaysia (PDRM) Ibu Pejabat Polis Kontinen (IPK) Selangor.

"Kami memeriksa empat syarikat itu yang terletak di Shah Alam dan Kajang membabitkan dua pengedar dan dua pemborong gula selepas melakukan risikan dua minggu.

"Hasil pemeriksaan, kami mendapati dua daripada syarikat terbabit dipercaya melakukan kesalahan menyimpan barang kawalan berkenaan melebihi kuantiti dibenarkan.

"Sebuah lagi syarikat dipercaya melakukan kesalahan gagal menyelenggara buku stok barang kawalan terbabit," katanya dalam ketayuanan di sini, semalam.

Iskandar berkata, sebanyak 8,000 metrik tan gula dianggarkan bernilai RM22 juta dirampas dalam ser-

STOK GULA 'MENIMBUN'

KPDNHEP rampas barang kawalan RM22 juta dari dua syarikat pengedar, pemborong



buan terbabit.

"Kes ini disiasat mengikut Peraturan 9(1) dan Peraturan 13(1) Peraturan Kawalan Bekalan 1974, Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Jika disabitkan kesalahan, denda tidak melebihi

RM 1 juta bagi perseorangan manakala pertubuhan boleh didenda tidak melebihi RM 2 juta atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya sekali di bawah akta itu," katanya.



Dua daripada syarikat terbabit dipercaya melakukan kesalahan menyimpan barang kawalan berkenaan melebihi kuantiti dibenarkan."

Iskandar Halim

Beliau berkata, pihaknya memandangkan serius isu barang kawalan berkenaan kerana tidak mahu ia dileweng, sekali gus menyebabkan berlaku masalah bekalan.

HARI : SABTU
TARIKH : 27/6/2020
M/SURAT : 20

ANGGOTA KPDNHEP memeriksa bekalan gula di premis yang diserbu ketika Op Manis, semalam manakala gambar kecil, anggota pengawas ketika tiba di lokasi penyimpanan.

